


KETERANGAN/TANGGUNGJAWAB	CARTA ALIR
<p><b>SEBELUM</b></p>	
<p><b>MULA</b></p> <p>1. Calon pelajar memuat turun borang-borang AIMS yang diperlukan di laman web AIMS UMT dan juga universiti penerima.</p>	 <pre> graph TD     MULA([MULA]) --&gt; 1[1]     1 --&gt; 2[2]     2 -- TIDAK LENGKAP --&gt; 1     2 --&gt; 3[3]     3 --&gt; 4[4]     4 --&gt; 5[5]     5 --&gt; 6[6]     6 --&gt; 7[7]     7 --&gt; 8[8]     8 --&gt; 9[9]     9 --&gt; 10[10]     10 --&gt; 11[11]     11 --&gt; 12[12]     12 --&gt; 13[13]     13 --&gt; 14[14]     14 --&gt; 15[15]     15 --&gt; 16[16]     16 --&gt; 17[17] </pre>
<p>2. Pelajar perlu menghantar borang kepada Pusat Antarabangsa untuk disemak. Borang akan dikembalikan kepada pelajar sekiranya tidak lengkap.</p>	
<p>3. Pusat Antarabangsa akan mengeluarkan surat yang berkaitan kepada pelajar yang terpilih.</p>	
<p>4. Pelajar perlu membuat pemeriksaan kesihatan di PKU untuk memenuhi syarat universiti penerima.</p>	
<p>5. Pusat Antarabangsa akan menghantar surat bersama nama pelajar terpilih kepada universiti penerima.</p>	
<p>6. Pelajar menerima surat tawaran dari universiti penerima.</p>	
<p>7. Pelajar menandatangani Borang Aku Janji penerimaan biasiswa berjumlah seperti yang ditawarkan.</p>	
<p>8. Pelajar yang menolak dan telah menerima wang biasiswa perlu memberi surat tunjuk sebab kepada Pusat Antarabangsa dalam tempoh satu minggu dan memulangkan semula biasiswa kepada Pusat Antarabangsa dalam tempoh satu minggu.</p>	
<p>9. Pelajar perlu menunggu surat tawaran yang dikeluarkan oleh universiti penerima dan mendapatkan dokumen <i>calling visa</i> dari kedutaan universiti penerima di Malaysia.</p>	
<p>10. Pelajar yang sudah menerima surat tawaran perlu memberi maklum balas kepada universiti penerima.</p>	
<p>11. Pusat Antarabangsa akan memasukkan peruntukan penajaan kepada pelajar.</p>	
<p>12. Pelajar menguruskan dokumen perjalanan dengan bantuan dan nasihat Pusat Antarabangsa dan menguruskan pembelian tiket penerbangan pergi dan balik.</p>	
<p>13. Pelajar perlu menghadiri taklimat persediaan sebelum bertolak (Pre-departure Briefing) di Pusat Antarabangsa.</p>	
<p><b>SEMASA</b></p>	
<p>14. Pelajar bertolak dan menjalani program di universiti penerima selama satu semester.</p>	
<p>15. Tiba di universiti penerima, pelajar perlu memaklumkan secara rasmi kepada Pusat Antarabangsa dan PIC melalui email.</p>	
<p>16. Pelajar juga perlu mengisi Borang Lapor Diri dan emailkan kepada Pusat Antarabangsa dan PIC.</p>	
<p><b>SELEPAS</b></p>	
<p>17. Pelajar menerima sijil penyertaan dari universiti penerima.</p>	

18. Pelajar perlu mengemukakan laporan dan dokumen berikut ke Pusat Antarabangsa:

- Bertulis (laporan perlu mengikut format Pusat Antarabangsa.)
- Video 3 minit (aktiviti semasa di sana)
- keratan tiket kapal terbang

dalam tempoh 14 hari selepas program berakhir.

19. Pelajar akan dijemput untuk sesi perkongsian atau sebagai Buddies pada masa yang sesuai oleh Pusat Antarabangsa.

**Tamat**

